

TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN

JALEN STAR CHEF 2026

(6 Mei 2026 – 18 Jun 2026)

Sila baca Terma-terma dan Syarat-syarat ini dengan teliti sebelum anda menyertai Pertandingan ini. Dengan menyertai Pertandingan ini, anda dianggap telah menerima terma dan syarat ini serta Notis Privasi, dan bahawa anda bersetuju untuk mematuhiinya. Jika anda tidak menyetujui dengan mana-mana terma dan syarat ini, anda tidak harus menyertai Pertandingan ini.

1	<p>Penganjur, Penaja dan Rakan Strategik</p>	<p><u>Penganjur</u> REMAJA (Nu Ideaktiv Sdn Bhd) (No. Syarikat: 201701033404 (1247575-P)) Lot 2, Jalan Renggam 15/5 Off Persiaran Selangor, Seksyen 15 40200 Shah Alam Selangor, Malaysia</p> <p><u>Penaja</u> JALEN SDN. BHD. (No. Syarikat: 198901003092 (180398-P)) No. PTD 64406, Jalan Kempas Lama, Kampung Sinaran Baru, 81300 Johor Bahru, Johor, Malaysia.</p> <p><u>Rakan Strategik</u> UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.</p>
2	<p>Pertandingan</p>	<p>JALEN STAR CHEF 2026 (“Pertandingan”)</p> <p>Jalen Star Chef 2026 adalah satu pertandingan masakan yang direka khusus untuk pelajar-pelajar jurusan Kulinari dan Hospitaliti di universiti dan kolej seluruh Malaysia. Pertandingan ini akan dilaksanakan melalui pusingan saringan peringkat zon sehingga ke pusingan akhir (“<i>Grand Finale</i>”).</p> <p>Institusi dan pelajar-pelajar yang menyertai (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai “Peserta”) hendaklah membaca terma dan syarat Pertandingan ini (selepas ini dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”) dengan teliti sebelum mendaftarkan penyertaannya. Dengan menyertai Pertandingan ini, Peserta dengan ini menyatakan bahawa ia telah membaca dan memahami serta menerima Terma dan Syarat di sini.</p> <p>Penganjur berhak mengubah, melanjutkan, menggantung atau menamatkan Pertandingan menurut budi bicara tunggalnya atau jika Penganjur tidak menerima bilangan penyertaan layak yang cukup atau jika Pertandingan tidak dapat diteruskan atas apa jua sebab. Penamatan atau penggantungan tersebut tidak akan membangkitkan apa-apa tuntutan oleh Peserta. Sekiranya terdapat apa-apa perkara</p>

		yang tidak konsisten atau percanggahan, terma & syarat yang tertera di sini akan diguna pakai.																				
3	Tempoh dan Struktur Pertandingan	<p>a) Berikut adalah garis masa Pertandingan:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Program</th> <th>Bulan</th> <th>Tarikh</th> <th>Lokasi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Saringan Zon 1 (Timur)</td> <td>Mei</td> <td>6 Mei 2026</td> <td>UiTM Dungun, Terengganu</td> </tr> <tr> <td>Saringan Zon 2 (Utara)</td> <td>Mei</td> <td>15 Mei 2026</td> <td>UiTM Permatang Pauh, Pulau Pinang</td> </tr> <tr> <td>Saringan Zon 3 (Tengah)</td> <td>Jun</td> <td>4 Jun 2026</td> <td>UiTM Puncak Alam, Selangor</td> </tr> <tr> <td>Peringkat Akhir <i>Grand Finale</i></td> <td>Jun</td> <td>18 Jun 2026</td> <td>UiTM Puncak Alam, Selangor</td> </tr> </tbody> </table> <p>*Penganjur mempunyai hak mutlak untuk membuat sebarang perubahan, penangguhan atau penjadualan semula sesi saringan setiap zon dan <i>Grand Finale</i></p> <p>b) <u>Pusingan Pertama (Saringan Peringkat Zon)</u></p> <p>i) Pusingan saringan akan terbahagi kepada tiga (3) zon iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Timur (Terengganu, Pahang, dan Kelantan); 2) Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang); 3) Tengah (Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Melaka, Negeri Sembilan, Johor) <p>ii) Bagi setiap peringkat saringan, jumlah penyertaan adalah dihadkan kepada maksimum sembilan (9) orang peserta daripada pelbagai institusi. Penerimaan penyertaan adalah dibuat atas dasar keutamaan kepada penyertaan yang dihantar terlebih dahulu (<i>first come first serve basis</i>).</p> <p>iii) Sebarang perubahan peserta (jika berkaitan) hendaklah dimaklumkan kepada pihak Penganjur sebelum sesi saringan peringkat zon dimulakan.</p> <p>iv) Peserta akan diberikan tempoh masa empat puluh lima (45) minit untuk menyiapkan satu (1) hidangan berdasarkan tema-tema yang telah ditetapkan untuk setiap zon.</p> <p>v) Tiga (3) Peserta terbaik (<i>Top 3 Winners</i>) akan dipilih untuk layak ke Pusingan Akhir ("<i>Grand Finale</i>"). Tiga Peserta terbaik setiap zon ini akan menerima wang tunai berjumlah RM300 setiap seorang. Peserta yang tidak terpilih akan menerima token saguhati berjumlah RM150 setiap Peserta. Semua penyertaan layak menerima Sijil Penyertaan Pertandingan Jalen Star Chef 2026.</p>	Program	Bulan	Tarikh	Lokasi	Saringan Zon 1 (Timur)	Mei	6 Mei 2026	UiTM Dungun, Terengganu	Saringan Zon 2 (Utara)	Mei	15 Mei 2026	UiTM Permatang Pauh, Pulau Pinang	Saringan Zon 3 (Tengah)	Jun	4 Jun 2026	UiTM Puncak Alam, Selangor	Peringkat Akhir <i>Grand Finale</i>	Jun	18 Jun 2026	UiTM Puncak Alam, Selangor
Program	Bulan	Tarikh	Lokasi																			
Saringan Zon 1 (Timur)	Mei	6 Mei 2026	UiTM Dungun, Terengganu																			
Saringan Zon 2 (Utara)	Mei	15 Mei 2026	UiTM Permatang Pauh, Pulau Pinang																			
Saringan Zon 3 (Tengah)	Jun	4 Jun 2026	UiTM Puncak Alam, Selangor																			
Peringkat Akhir <i>Grand Finale</i>	Jun	18 Jun 2026	UiTM Puncak Alam, Selangor																			

		<p>c) <u>Pusingan Akhir (“Grand Finale”)</u></p> <p>i) Peserta <i>Top 3 Winners</i> bagi setiap zon akan bertarung di pusingan akhir <i>Grand Finale</i> bagi merebut gelaran Juara Jalen Star Chef 2026. Pada peringkat ini, penukaran Peserta adalah TIDAK DIBENARKAN.</p> <p>ii) Peserta akan diberikan tempoh masa dua (2) jam untuk menyiapkan dua (2) hidangan yang terdiri daripada:</p> <p style="padding-left: 40px;">1) Hidangan Pembukaan (<i>Starter</i>); 2) Hidangan Utama (<i>Main Course</i>).</p> <p>iii) Pemenang-pemenang akan dihakimi dan diumumkan semasa <i>Grand Finale</i>.</p>
4	Kelayakan	<p>a) Pertandingan ini terbuka kepada semua penuntut/pelajar universiti/kolej (awam dan swasta) tempatan.</p> <p>b) Setiap pelajar yang terlibat sebagai Peserta wajib mempunyai Kad Pengenalan Malaysia (warganegara) dan Pas Pelajar atau i-Kad Pelajar Antarabangsa (bukan warganegara/antarabangsa) yang sah (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai “Dokumen Pengenalan Diri”).</p> <p>c) Penyertaan adalah terbuka kepada penyertaan individu sahaja.</p> <p>d) Pekerja, pemegang saham, pegawai, pengarah, agen, pengedar dan wakil Penganjur dan Penaja (tidak termasuk Rakan Strategik) dan setiap daripada syarikat induk, ahli gabungan, bahagian, anak syarikat, agen, wakil dan agensi pengiklanan mereka masing-masing, bersama-sama dengan ahli keluarga terdekat (tidak kira di mana mereka tinggal) dan mereka yang tinggal di kediaman yang sama dengan orang tersebut (sama ada mempunyai kaitan persaudaraan atau tidak), tidak layak menyertai Pertandingan.</p> <p>e) Penganjur berhak untuk menyingkirkan mana-mana Peserta yang tidak mematuhi apa-apa Terma dan Syarat Pertandingan ini atau jika penganjur berpendapat bahawa Peserta gagal memenuhi apa-apa kriteria penyertaan yang ditetapkan oleh Penganjur.</p>
5	Mekanisme Pertandingan	<p>a) Setiap Peserta mesti menghasilkan hidangan berdasarkan bilangan dan tema yang telah ditetapkan seperti berikut:</p> <p>i) <u>Pusingan Saringan:</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Saringan Zon 1 (Timur): Modern Coastal Flavours 2. Saringan Zon 2 (Utara): Asian Fusion 3. Saringan Zon 3 (Tengah): Modern Malaysian Gastro <p>ii) <u>Pusingan Akhir (Grand Finale):</u> Flavours of Tomorrow: Modern Malaysian with Jalen</p>

		<p>b) Berikut adalah kriteria-kriteria pemarkahan dan penilaian bagi setiap hidangan yang disediakan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Rasa dan tekstur Hidangan (<i>Taste and flavour balance</i>) ii) Pelaksanaan Teknikal (<i>Technical Execution</i>) iii) Kreativiti dan Inovasi (<i>Creativity and Innovation</i>) iv) Pengurusan Masa (<i>Time Management</i>) v) Kebersihan Dapur dan Profesionalisme (<i>Kitchen Hygiene and Professionalism</i>) <p>c) Keputusan Juri dan Penganjur adalah muktamad dan sebarang permohonan dan rayuan tidak akan dilayan.</p> <p><u>Semasa Pertandingan</u></p> <p>d) Penyediaan Bahan Mentah Peserta dibenarkan untuk menyiapkan bahan mentah seperti proses memotong, membersihkan dan menyusun bahan sebelum sesi memasak bermula. Walau bagaimanapun, sebarang kaedah memasak seperti menumis, merebus, menggoreng, membakar atau proses memasak lain tidak dibenarkan dilakukan lebih awal dan hanya boleh dimulakan apabila masa pertandingan rasmi bermula.</p> <p>e) Penggunaan Produk Jalen Penganjur akan menyediakan satu kotak produk Jalen khas untuk kegunaan Peserta. Penggunaan produk Jalen adalah digalakkan, dan penggunaan yang lebih optimum serta bersesuaian dengan hidangan akan memberikan nilai tambah dalam pemarkahan.</p> <p>Optimum di sini merujuk kepada tahap penggunaan produk Jalen yang mencapai sekurang-kurangnya 70% dan ke atas daripada keseluruhan penggunaan produk Jalen yang disediakan kepada setiap peserta.</p>
6	Hadiah Pertandingan dan Penebusan	<p>a) <u>Juara Pertandingan Jalen Star Chef 2026</u> Pemenang yang terpilih akan menerima wang tunai berjumlah RM3,000 berserta Trofi, Sijil Penyertaan dan <i>Chef's Coat</i></p> <p>b) <u>Tempat Kedua Pertandingan Jalen Star Chef 2026</u> Pemenang yang terpilih akan menerima wang tunai berjumlah RM2,000 berserta Trofi, Sijil Penyertaan dan <i>Chef's Coat</i></p> <p>c) <u>Tempat Ketiga Pertandingan Jalen Star Chef 2026</u> Pemenang yang terpilih akan menerima wang tunai berjumlah RM1,000 berserta Trofi, Sijil Penyertaan dan <i>Chef's Coat</i></p> <p>d) <u>6x Saguhati Pertandingan Jalen Star Chef 2026</u> Enam (6) Pemenang Saguhati yang terpilih akan menerima wang tunai berjumlah RM500 setiap satu dan Sijil Penyertaan</p>

		<p>e) <u>9x Pemenang Peringkat Saringan Pertandingan Jalen Star Chef 2026</u> Sembilan (9) Peserta akan menerima wang tunai berjumlah RM300 setiap satu dan Sijil Penyertaan</p> <p>f) <u>27x Token Saguhati Peringkat Saringan Pertandingan Jalen Star Chef 2026</u> Dua puluh tujuh (27) Peserta akan menerima wang tunai berjumlah RM150 setiap satu dan Sijil Penyertaan</p> <p>a) Pemenang yang memerlukan wakil untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka hendaklah memastikan bahawa wakil mengemukakan surat kebenaran yang ditandatangani oleh pemenang, sesalinan bukti identiti pemenang, dan bukti identiti wakil.</p> <p>b) Semua hadiah yang diberikan oleh Penganjur dan/atau penaja adalah atas dasar “seadanya” dan diterima oleh Peserta tanpa apa-apa jenis waranti atau jaminan, sama ada nyata atau tersirat. Jika diminta oleh Penganjur, Peserta hendaklah menyempurnakan surat ikatan pelepasan dan tanggung rugi dalam bentuk yang ditetapkan oleh Penganjur.</p> <p>c) Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain pada nilai yang sama sekiranya hadiah-hadiah tersebut tidak tersedia pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.</p> <p>d) Kesemua hadiah yang tidak dituntut selepas tiga (3) bulan dari tarikh pemberitahuan atau notis tuntutan hadiah, yang mana lebih awal, akan menyebabkan kehilangan kelayakan berserta tuntutan hadiah dilucutkan dan pemenang baru akan dipilih.</p>
7	Hak Penganjur	<p>a) Harta Intelek</p> <p>Untuk tujuan Terma dan Syarat ini, “Hak Harta Intelek” bermaksud semua hak cipta, paten, cap dagangan, reka bentuk, hak terhadap rahsia dagangan, hak moral, pengetahuan teknikal (<i>know-how</i>) dan semua hak harta intelek lain yang wujud pada masa ini atau pada masa hadapan di mana-mana bahagian dunia, sama ada didaftarkan atau tidak didaftarkan, termasuk semua permohonan atau hak untuk memohon pendaftaran hak tersebut, serta semua hak lain terhadap idea, penemuan, penemuan baharu, <i>goodwill</i> dan maklumat sulit.</p> <p>Dengan menyertai Pertandingan, Peserta dengan ini mengakui dan bersetuju untuk memberikan kepada Pihak-pihak yang Dilepaskan (seperti yang ditakrifkan di bawah) suatu lesen eksklusif, berterusan, tidak boleh batal, telah dibayar sepenuhnya, bebas royalti, boleh dipindah milik, boleh dilesenkan semula dan sah di seluruh dunia untuk mengakses, menggunakan, menerbitkan, menambah, mengintegrasikan, mengubah suai, memindahkan dan mengedarkan mana-mana Hak Harta Intelek</p>

		<p>dalam semua bahan, kandungan, hasil karya, logo, kenyataan dan produk (termasuk mana-mana bahagian daripadanya) yang telah disediakan atau dihasilkan oleh Peserta berkaitan atau yang timbul daripada Pertandingan, termasuk tetapi tidak terhad kepada permohonan penyertaan Peserta dan resipi mereka.</p> <p>Melainkan dipersetujui secara jelas secara bertulis, Penganjur dan Penaja akan mengekalkan semua hak, hak milik dan kepentingan terhadap Hak Harta Intelek mereka sendiri yang telah dimiliki oleh mereka (atau pemberi lesen mereka) sebelum Pertandingan, dan tiada hak, hak milik atau kepentingan sedemikian akan diberikan kepada Peserta.</p> <p>Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam Terma dan Syarat ini, mana-mana Hak Harta Intelek yang dicipta atau dibangunkan berkaitan atau yang timbul daripada Pertandingan adalah hak milik dan akan terletak pada Penganjur.</p> <p>b) Penganjur berhak, menurut budi bicara tunggalnya, menyingkirkan mana-mana Peserta yang mengganggu mekanisme, sistem, perisian Pertandingan atau apa-apa proses lain berkaitan dengan Pertandingan ini.</p> <p>c) Penganjur berhak, menurut budi bicara tunggalnya, menyingkirkan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan yang didapati (menurut budi bicara Penganjur) tidak sopan atau tidak sesuai untuk tatapan umum, atau didapati atau disyaki menipu/menggodam/mengusik proses Pertandingan, pengendalian Pertandingan ini atau melanggar apa-apa Terma dan Syarat Pertandingan. Penganjur berhak untuk meneruskan tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang dipercayainya terlibat dalam aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang memudaratkan Pertandingan, Penganjur atau proses penyerahan Pertandingan.</p>
8	Notis Privasi	Peserta menerima dan bersetuju kepada terma dan syarat dalam Notis Privasi yang dilampirkan bersama-sama di sini dan bersetuju tanpa syarat untuk mematuhi syarat notis tersebut.
9	Terma-terma dan Syarat-syarat Tambahan	<p>a) <u>Kod Etika</u>: Semua Peserta perlu berkelakuan dengan penuh hormat dan profesional. Mana-mana Peserta yang didapati meniru (plagiarisme) atau memalsukan maklumat akan dibatalkan penyertaannya.</p> <p>b) Peserta menjamin, beraku janji dan bersetuju bahawa ia telah mendapatkan penepian terhadap semua hak (termasuk hak moral) daripada semua orang yang telah menyumbang kepada penghasilan penyertaan (secara kolektif “Penyumbang”) yang berhak ditegaskan oleh penyumbang dan/atau Peserta, kini atau di masa hadapan, di mana-mana tempat di dunia.</p>
10	Liabiliti dan Tanggungjawab	a) Dengan menyertai Pertandingan ini, semua Peserta bersetuju melepaskan dan memastikan Penganjur, ahli gabungan dan agensinya, dan pekerja, pegawai, pengarah dan wakil mereka (secara kolektif dirujuk sebagai “Pihak-pihak yang Dilepaskan”)

		<p>tidak dipertanggungjawabkan atas sebarang tuntutan, kerugian atau gantirugi berbangkit daripada atau berhubung dengan penyertaan mereka dalam Pertandingan (termasuk tetapi tidak terhad kepada, apa-apa kesilapan dalam mengira apa-apa transaksi, sebarang kerosakan atau kepincangan mana-mana sistem komputer atau peralatan), apa-apa aktiviti berkaitan Pertandingan dan penerimaan dan/atau penggunaan, penyalahgunaan, atau milikan apa-apa hadiah yang diberikan di bawah ini.</p> <p>b) Peserta mengakui bahawa penyertaannya dalam Pertandingan adalah atas risikonya sendiri.</p> <p>c) Pihak-pihak yang Dilepaskan dan penerima serah hak mereka masing-masing tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Peserta berhubung dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. apa-apa kegagalan untuk memenangi hadiah dalam Pertandingan, hadiah yang cacat disebabkan kecuaiian, tindakan dan/atau ketinggalannya atau penyalahgunaan Hadiah atau sebarang kerugian, gantirugi, kos, perbelanjaan, tuntutan, liabiliti, kecederaan, kematian, kemalangan yang dialami oleh Peserta semasa Pertandingan atau berbangkit daripada atau berhubung dengan Pertandingan, penyertaan Peserta dalam Pertandingan dan/atau hadiah yang diberikan. ii. sebarang kesilapan (termasuk kesilapan ketika memaklumkan pemenang Pertandingan), ketinggalan, gangguan, pemadaman, kecacatan, kelewatan dalam pengendalian atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, pencurian, kemusnahan, perubahan, atau akses tanpa kebenaran kepada penyertaan, atau penyertaan yang hilang atau terlewat sama ada berbangkit semasa pengendalian atau penghantaran akibat fungsi pelayan, virus, pepijat, atau sebab lain di luar kawalan Penganjur.
--	--	---

NOTIS PRIVASI

Data peribadi dan maklumat lain (secara kolektif, "Data Peribadi") yang diberikan oleh anda kepada NU IDEAKTIV SDN BHD ("kami" atau "NISB") mungkin digunakan dan diproses oleh kami untuk tujuan-tujuan berikut:-

- (a) untuk mempertimbangkan urusan kami dengan anda;
- (b) untuk berkomunikasi dengan anda;
- (c) untuk memberikan perkhidmatan kepada anda;
- (d) untuk memproses transaksi pembayaran anda, jika berkaitan;
- (e) untuk membalas sebarang pertanyaan anda;
- (f) untuk menjalankan aktiviti-aktiviti dalaman;
- (g) untuk memberikan anda maklumat mengenai produk dan perkhidmatan NISB atau syarikat-syarikat kami yang berkaitan;
- (h) untuk memberikan anda maklumat mengenai produk dan perkhidmatan rakan kongsi perniagaan kami;
- (i) lain-lain aktiviti perniagaan NISB yang sah dan/atau;
- (j) apa-apa tujuan yang dinyatakan di dalam terma-terma dan syarat-syarat perjanjian ini.

(Secara kolektif "Tujuan").

Jika diperlukan untuk apa-apa Tujuan tersebut, Data Peribadi boleh dipindahkan ke lokasi luar Malaysia atau didedahkan kepada perbadanan berkaitan, pemegang lesen, rakan perniagaan dan/atau pemberi khidmat, yang mungkin berada di dalam atau luar Malaysia. Selain daripada yang dinyatakan disini, Data Peribadi tidak akan, dengan sedarinya, dipindahkan ke mana-mana tempat di luar Malaysia atau dizahirkan ke mana-mana pihak ketiga.

Anda boleh membuat pertanyaan, aduan dan permintaan untuk akses untuk pembetulan Data Peribadi atau mengehadkan pemprosesan Data Peribadi (contohnya meminta bahawa kami tidak menghantar apa-apa bahan pemasaran) pada bila-bila masa dengan mengemukakan permintaan itu kepada Pegawai Perlindungan Data Peribadi melalui pos berdaftar atau e-mel.

Alamat pos:
Pegawai Perlindungan Data Peribadi
Peti Surat 10148
50710 Kuala Lumpur
Alamat e-mel: pdpo@astro.com.my

Sebarang pertanyaan atau aduan berkenaan dengan Data Peribadi juga perlu disampaikan kepada NISB dengan cara ini.

Sila ambil perhatian bahawa NISB perlu memproseskan Data Peribadi anda, jikalau tidak, kami tidak boleh menerus menggunakan Data Peribadi anda untuk apa-apa tujuan tersebut.